



Rujukan Fail Kami : Bil.(2)dlm.MDL/JKP/836

Tarikh : 19 Julai 2019

Tuan/Puan,

IKLAN JAWATAN KOSONG PEMBANTU OPERASI GRED N11 KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE), MAJLIS DAERAH LIPIS

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) untuk mengisi kekosongan jawatan di dalam Pentadbiran Majlis Daerah Lipis.

1. a. Jawatan : **PEMBANTU OPERASI GRED N11**
- b. Bahagian : **PENGURUSAN LETAK KERETA**
- c. Taraf Jawatan : **KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)**
- d. Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
- e. Klasifikasi Perkhidmatan : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)**
- f. Keutamaan : **RAKYAT NEGERI PAHANG**
- g. No. Fail Jawatan : **MDL/JKP/836**

2. JADUAL GAJI

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401NA11000	N11	RM1,216.00	RM2,983.00	RM80.00
ELAUN	Imbuhan Tetap Khidmat Awam			RM95.00
	Imbuhan Tetap Perumahan			RM300.00
	Bantuan Sara Hidup			RM150.00

3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan
 - c. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - d. Memiliki lesen memandu Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]

(Gaji Permulaan : Gred N11:RM1,216.00)

DAN

- : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **DISKRIPSI TUGAS**

Menjalankan rondaan, mengeluarkan kompaun kesalahan letak kereta dan memasukkan kompaun ke dalam sistem komputer. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

- a. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang **MDL/JKP/JAWAT 01/02** yang boleh didapati di **KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN, MAJLIS DAERAH LIPIS**, Pahang Darul Makmur dan boleh muat turun borang ini di Laman Web Majlis Daerah Lipis iaitu www.mdlipis.gov.my
- b. Semua permohonan hendaklah lengkap dengan maklumat seperti berikut:-
 - (i) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport iaitu 2.5 sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbis atau difotostat*);
 - (ii) Salinan kad pengenalan (*depan dan belakang*);
 - (iii) Salinan surat beranak;
 - (iv) Salinan kad pengenalan bapa/ibu;
 - (v) Salinan sijil-sijil persekolahan atau salinan keputusan peperiksaan yang telah diperolehi; dan
 - (vi) Sijil-sijil lain yang berkenaan.
- c. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH**.
- d. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH LIPIS,
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN,
27200 KUALA LIPIS,
PAHANG DARUL MAKMUR.
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :09 OGOS 2019

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Daerah Lipis selewat-lewatnya pada **09 OGOS 2019 (JUMAAT)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.


CATATAN AM

- a. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan:-
- (i) Tidak menggunakan borang MDL/JKP/JAWAT 01/02
 - (ii) Tiada salinan Sijil Kelahiran
 - (iii) Tiada salinan Kad Pengenalan pemohon/ibu/bapa
 - (iv) Tiada salinan kelulusan pelajaran/peperiksaan
 - (v) Borang permohonan pemohon yang tidak ditandatangani
 - (vi) Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak jelas
 - (vii) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - (viii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
 - (ix) Salinan sijil tidak diakui sah
 - (x) Gambar pasport tidak disertakan serta gambar difotostat atau diimbas
 - (xi) Tidak melengkapkan keterangan mengenai 2 orang saksi serta tiada tandatangan
 - (xii) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan
 - (xiii) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan; dan
 - (xiv) Tiada salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi sekiranya telah berkhidmat dengan jabatan Kerajaan.
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap permohonan tersebut tidak berjaya.
- c. Majlis Daerah Lipis tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AMIR SYAFFIQ BIN HAMZAH, AMP.)

b.p. Yang Dipertua
Yang Dipertua
Majlis Daerah Lipis